

Kotak hitam keluarkan isyarat selama sebulan

KUALA LUMPUR 21 Mac - Kotak hitam dalam pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 boleh mengeluarkan isyarat selama sebulan walaupun pesawat tersebut terbenam di dasar Lautan Hindi.

Menurut Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Kamarul Arifin Ahmad, kotak hitam itu dilengkapi bateri yang membolehkannya menghantar isyarat selama 30 hari selepas diaktifkan.

Katanya, terdapat tiga cara kotak

hitam itu boleh diaktifkan iaitu apabila berlaku interaksi dengan air marin, impak kuasa graviti yang tinggi atau diaktifkan oleh mereka yang berada di dalam pesawat berkenaan.

"Kotak hitam boleh bertahan pada kedalaman melebihi 6,000 meter dan terdedah pada suhu tinggi.

"Kalau pesawat meletup pun, kotak hitam ini masih tidak terjejas dan boleh mengeluarkan isyarat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Aus-

tralia, Tony Abbott memaklumkan bahawa satelit negara itu mengesan dua objek terapung yang satu daripadanya sepanjang 24 meter dipercayai serpihan pesawat MH370 di kawasan selatan perairan Lautan Hindi

Penemuan itu memberikan harapan baharu kepada pasukan operasi mencari dan menyelamat (SAR) untuk mengesan pesawat Boeing 777-200 yang hilang dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing, China sejak 8 Mac lalu.

Menurut Kamarul Arifin, walaupun kotak hitam itu boleh mengeluarkan isyarat selama sebulan, pasukan SAR perlu berada dalam radius berhampiran untuk mengesan isyarat tersebut.

"Sekiranya selepas tempoh sebulan pesawat itu tidak ditemui, pasukan SAR perlu menggunakan kenderaan dalam air berautonomi (AUV) untuk mengesan pesawat MH370 seperti yang dilakukan dalam tragedi Air France 447," katanya.

Setiap pesawat komersial diwa-

jibkan membawa dua kotak hitam iaitu perakam data penerbangan (FDR) yang merekodkan data tentang kelajuan, ketinggian serta arah pesawat dan perakam suara kokpit (CVR) yang menyimpan perbualan dalam kokpit, sebarang bunyi dan pengumuman.

Kotak hitam yang mula diperkenalkan dalam penerbangan sejak 1960-an bukan berwarna hitam tetapi oren bagi memudahkan pencarian sekiranya berlaku nahas udara.